



AZUHAN
MOHAMED

Selangor perlu bekalan air bawah tanah: Pakar

SHAH ALAM – Selangor memerlukan sistem bekalan air bawah tanah untuk menangani masalah kekurangan air bagi menyesuaikan diri dengan perubahan iklim.

Pandangan itu disuarakan pakar bidang berkenaan, Dr Azuhan Mohamed, ketika sesi pembentangannya bertajuk *Groundwater Resource – Invisible Local Buffers*, semalam.

Azuhan berkata, ia penting kerana air bawah tanah merupakan sumber yang lebih baik memandangkan ia berada di kawasan yang dikelilingi tanah dan batu yang bertindak sebagai penapis semula jadi yang boleh mengurangkan pencemaran.

“Simpanan air bawah tanah lebih banyak dan stabil berbanding sumber air di permukaan bumi, sekali gus mengurangkan risiko

sejatan serta keadaan cuaca yang buruk.

“Ia juga mesra alam yang mengurangkan risiko banjir dan empangan pecah,” katanya.

Sekiranya ia tidak digunakan, Azuhan berkata, kos pembangunan (Capex) pengurusan air jauh lebih mahal antaranya perbelanjaan pemindahan air, pembinaan terowong atau empangan.